



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

MAFI KOMITED TERUS MEMPERKASA SEKTOR AGROMAKANAN PASCA COVID-19

Johor Bahru, 23 Oktober 2021 – Sektor agromakanan dijangka akan berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sekali gus meletakkan sektor agromakanan sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata, sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbangkan 7 peratus kepada KDNK pada tahun 2025.

Satu Sesi Sidang Video antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura telah diadakan pada pagi ini. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memastikan sekuriti makanan terus terjamin disamping terus memperkasa pengeksportan produk agromakanan ke luar negara termasuk Singapura.

Pelbagai perkara telah dibincangkan semasa sesi sidang video antara lain, berkaitan dengan cabaran pandemik COVID-19 kepada sektor agromakanan, polisi sekuriti makanan Negara, usaha-usaha meningkatkan pengeluaran domestik, pematuhan standard dan kualiti eksport barangan agromakanan, aspek pemasaran dan promosi produk agromakanan, peluang pasaran untuk tanaman hiasan, kedudukan Malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSI) dan sebagainya.

Dr. Ronald berkata, “Pengeksportan produk agromakanan Malaysia ke Singapura kekal stabil dengan kadar pertumbuhan tahunan antara 1% hingga 6% bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Disebalik penularan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020, nilai eksport produk agromakanan ke Negara tersebut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.5% kepada RM6.9 billion berbanding tahun sebelumnya”.

Tambahnya lagi, “Dalam tempoh tersebut juga lebih daripada 330 ribu tan metrik bersamaan 49% kuantiti eksport produk pertanian segar telah di eksport ke Singapura terdiri daripada sayur-sayuran, buah-buahan, tebu, kelapa, bunga, biji kopi dan kacang. Prestasi kukuh ini berikutan Malaysia merupakan rakan dagangan utama kepada Singapura terutama bagi bekalan bahan makanan dengan syer pasaran sehingga 18%”.

Pandemik COVID-19 telah mewujudkan landskap dan cabaran baharu terhadap dagangan antarabangsa termasuk antara Malaysia dan Singapura. Kekurangan tenaga buruh, kenaikan kos input pertanian, penutupan pintu sempadan, logistik eksport yang terhad serta polisi kerajaan semasa adalah antara cabaran yang perlu di hadapi ketika ini.

Dalam hal ini, MAFI melalui FAMA akan mempergiatkan aktiviti pemasaran dan promosi produk agromakanan ke Singapura dalam usaha memperkukuh dan mempertingkatkan permintaan oleh pengguna di sana. MAFI juga menerusi FAMA merancang untuk melaksanakan program *Malaysia Fest* di Singapura setelah pintu sempadan kedua-dua negara dibuka kelak. Program tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2004 itu merupakan antara program yang dinantikan rakyat di sana dengan mencatatkan jumlah pengunjung antara 80 ribu hingga 100 ribu.

Pada masa yang sama, Dr Ronald juga telah melawat Pasar Tani Datin Halimah, Johor Bahru bagi melihat sendiri operasi Pasar Tani. Ini adalah selaras dengan pembukaan semula outlet-outlet pasaran FAMA di seluruh Negara memandangkan tiada lagi negeri berada di Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik sebelum ini.

Menurut Dr. Ronald, sehingga kini kesemua 368 outlet pasaran FAMA di seluruh negara telah mula beroperasi dengan mengadaptasi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pembukaan semula semua outlet ini akan memberi manfaat kepada lebih 12,131 usahawan dan dijangka mampu menjana nilai jualan sebanyak RM122 juta serta memberi peluang kepada 2.26 juta pelanggan mendapatkan produk-produk agromakanan yang ditawarkan.

Dalam pada itu, YB Menteri juga telah melawat Projek Hidroponik Melon di Pasar Tani Datin Halimah yang di usahakan oleh peserta ladang kontrak MAFI di bawah bimbingan FAMA, En.Silmi Izzani yang menanam komoditi sun melon dengan kuantiti '*polybag*' berjumlah seribu unit melalui kaedah penanaman hidroponik. Hasil tuaian ini akan dipasarkan ke seluruh negeri Johor melalui Pasar Tani.

Projek ini boleh dijadikan sebagai model pertanian moden yang mengaplikasikan teknologi terkini seperti fertigasi gantung dan vertical farming.

Dr. Ronald juga turut mengambil peluang dari lawatannya ke Johor dengan menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin berupa produk agromakanan sebanyak 2.5 tan metrik yang akan memberi manfaat kepada 350 orang penerima melibatkan 6 buah rumah kebajikan di sekitar Johor Bahru.

Sumbangan MAFI Prihatin ini turut disampaikan kepada 200 rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura dengan kerjasama Pejabat Persuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura. Ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan melalui MAFI untuk menjaga kebajikan mereka yang masih terkandas di Singapura.

Sehingga 18 Oktober 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, telah memberi manfaat kepada 40,000 orang di 209 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 90 tan metrik makanan telah disalurkan dengan nilai bantuan berjumlah RM 330 ribu. Manakala di Johor sahaja, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA telah memberi manfaat kepada 3,480 orang di 14 lokasi seluruh negeri dengan nilai bantuan berjumlah RM 35 ribu.

YB Menteri mengakhiri lawatan kerja ke Johor dengan melawat syarikat Top Fruits Sdn Bhd di Batu Pahat, yang merupakan salah satu pemain industri yang telah mendapat akreditasi dari *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) untuk mengeksport ulas durian (*pulp*) sejuk beku ke pasaran China pada tahun 2011. Pada tahun 2019, syarikat berkenaan telah memperoleh akreditasi bagi mengeksport durian dalam bentuk biji (*frozen whole fruit*). Selain turut mengeksport buah tempatan lain ke lebih 19 negara termasuk Singapura sejak mula beroperasi tahun 2010.

Kerajaan menerusi MAFI sentiasa menyokong dan menggalakan pemain industri untuk meningkatkan nilai eksport produk agromakanan negara.

FAMA yang merupakan salah satu agensi di bawah MAFI yang memainkan peranan penting dalam membantu pemain industri memperkukuh dan memperluaskan pasaran eksport produk agro makanan di luar negara. FAMA juga menyediakan perkhidmatan sokongan seperti geran pemasaran, pameran perdagangan, pengiklanan dan program promosi *in-store* di pasaran terpilih.

Turut hadir pada siri lawatan kali ini YB Dato' Hj Samsolbari bin Jamali, Pengerusi Pertanian , Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Pn Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MAFI dan Dato' Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.

#####

Disediakan oleh:

Bahagian Sekretariat dan Korporat FAMA Ibu Pejabat

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

23 Oktober 2021